

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 2 Tahun 2023

FEBRUARI 2023

CERAMAH PENGURUSAN KEWANGAN “MANAGE YOUR MONEY WISELY” ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI SELANGOR

SHAH ALAM, 15 Februari 2023 - Sesi ceramah (*hybrid*) berkaitan pengurusan kewangan telah dianjurkan oleh AKRAB Mahkamah Negeri Selangor bersempena Persidangan Warga Mahkamah Bersama Pengarah Mahkamah Negeri Selangor dan diadakan di Dewan Orked Aras 5 Bangunan Annex Kompleks Mahkamah Shah Alam.

Sesi ceramah telah disampaikan oleh Encik Thomas Chan, Pengarah Bersekutu, Agensi Pembangunan Perniagaan, *Principal Asset Management Bhd* (Kumpulan CIMB). Seramai 88 orang peserta yang hadir secara fizikal. Sesi ceramah ini turut diadakan secara maya buat warga Mahkamah Selangor yang tidak berkelapangan untuk hadir secara fizikal dengan penyertaan seramai 205 orang.

Objektif program ini adalah memberi kesedaran dan pentingnya sikap berdisiplin dalam perancangan perbelanjaan harian supaya tidak terperangkap dengan hutang yang membebankan. Sepanjang program ini berlangsung terdapat banyak impak yang positif dan menyelesaikan beberapa masalah yang dialami bagi sesetengah kakitangan warga Mahkamah Selangor.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

MESYUARAT RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP) **BILANGAN 1 TAHUN 2023**



PUTRAJAYA, 28 Februari 2023 – Mesyuarat Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) Bilangan 1 Tahun 2023 telah diadakan di Dewan Persidangan aras 1, PKPMP.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Pengerusi AKRAB PKPMP iaitu YBrs. Tuan Rushan Lutfi bin Mohamed dan diteruskan pula dengan ucapan aluan dan salam perkenalan daripada YBhg. Datuk Shahrul Kamal Bin Osman iaitu Pengarah Bahagian Pengurusan PKPMP yang baru.

Antara objektif Mesyuarat AKRAB PKPMP ini diadakan adalah untuk membincangkan pelaksanaan program/aktiviti AKRAB Tahun 2023, isu-isu pelaksanaan AKRAB, dan juga perkongsian maklumat daripada Cawangan Psikologi Bahagian Pengurusan PKPMP seperti Garis Panduan Pengurusan Intervensi Bersepadu, Pelan Strategik AKRAB 2021-2025 dan Anugerah AKRAB JPA.

